

Seni Sulaman Tekat Tradisional Dalam Tekstil Melayu

Dr. Saemah Binti Yusof

Fakulti Seni Lukis Seni Reka

Universiti Teknologi MARA Malaysia

saemah1711@yahoo.com

Prof. Dr. Mulyadi Mahamood

Fakulti Seni Lukis Seni Reka

Universiti Teknologi MARA Malaysia

ABSTRAK

Sulaman merupakan suatu hasil karya yang bertujuan untuk mengindahkan atau mencantikkan lagi sesuatu jenis fabrik, pakaian, aksesori dan juga kraftangan. Seni tekat termasuk dalam jenis sulaman yang dihasilkan dengan cara menyulam benang emas ke atas kain dasar jenis baldu. Ia juga disebut sebagai "Tuji Timbul" iaitu sulaman timbul atau tekat bersuji. Asal-usul dan penggunaan seni tekat diandaikan bersamaan dengan kedatangan kaum "Baba-Nyonya" ke Melaka pada abad ke-15 berdasarkan benang asasnya iaitu benang emas. Ia merukan pakaian dan bahan kelengkapan dan wujud serta berkembang di istana. Seni tekat ini mula berkembang kepada masyarakat luar istana apabila ia mula dijadikan sebagai kraftangan sambilan oleh generasi muda pada masa itu. Gadis-gadis Melayu, terutamanya yang ingin mendirikan rumah tangga mula membuat tekatan itu sebagai alat kelengkapan perkahwinan. Contohnya sebagai hiasan pelamin, sarung bantal, alas katil, kipas, kasut dan sebagainya. Walau bagaimanapun, penggunaannya dalam kalangan rakyat biasa masih terbatas kerana bahan-bahannya mahal dan memerlukan masa yang panjang untuk dibuat serta penjagaan rapi untuk menyimpannya. Motif, corak dan warna memainkan peranan penting dalam sesuatu rekaan tekat sama ada bagi tujuan bahan dekorasi maupun sulaman pada pakaian. Susunan danimbangan bentuk, corak dan warna membolehkan ia mencapai taraf yang lebih tinggi daripada hanya bertaraf berfungsi. Motif boleh dikategorikan kepada empat bahagian iaitu dari alam semulajadi, simbol atau lambang, kosmologi dan alam benda. Setiap unsur motif memperlihatkan sejarah dan penceritaan perkembangannya. Walau bagaimanapun, motif yang biasa digunakan dalam sulaman tekat tradisional Melayu adalah berunsurkan alam semulajadi.

Katakunci: sulam, tekat, benang emas, seni tradisional Melayu.

PENGENALAN

Sebuah hasil karya yang bertujuan untuk mengindahkan atau mencantikkan lagi sesuatu jenis fabrik, pakaian, aksesori dan juga kraftangan adalah sulaman. Pada asasnya, sulaman menggunakan jarum dan benang serta kepakaran menyulam. Sulaman juga mengenangkan ragam hias yang indah kerana motif-motif rekaannya akan kelihatan timbul dari permukaan kain. Sulaman kaya dengan berbagai teknik yang berbeza-beza dan motif-motif ini turut mengalami arus perubahan mengikut peredaran zaman.

Dalam seni dekorasi tekstil, sama ada dari China, India, negara Barat maupun di negara Arab, seni sulaman adalah salah satu keunikan dunia yang masing-masing mempunyai sejarah dan perkembangan yang tersendiri. Mengikut Syed Ahmad Jamal

(1989), sulaman adalah sejenis seni hias Melayu tradisi yang dihasilkan pada kain daripada benang-benang berwarna dan adakalanya sulaman diperkaya dengan hiasan tambahan seperti labuci, manik dan sebagainya. Warisan seni sulaman tradisi masih lagi dipraktikkan walaupun mengalami perubahan yang besar pada teknik dalam kemodenan dunia masa kini.

Dalam masyarakat Melayu, seni sulaman telah menjadi suatu seni warisan sejak zaman kesultanan Melayu Melaka, terutamanya sewaktu zaman kegemilangannya. Mengikut Richard Winstedt (1981), pedagang-pedagang dari Arab, India dan China merupakan pengaruh utama dalam mencorak seni sulaman Melayu melalui kepelbagai teknik yang dibawa masuk. Pada ketika itu, Sultan Melaka dikatakan pernah dihadiahkan teknik bersulam emas yang dibawa khas dari negara China. Seni sulaman dalam teknik Melayu adalah pelbagai dari segi motif, warna, susunatur dan teknik menyulam. Pedagang-pedagang telah memperkenalkan sulaman benang emas kepada penduduk tempatan yang kemudiannya di hasilkan sendiri mengikut citarasa tempatan. Bangsa Melayu dikatakan satu bangsa yang secara semulajadinya pandai mengolah dari pelbagai budaya asing dan diserapkan dalam budaya Melayu (A. Aziz Deraman, 1985).

Setelah jatuhnya kerajaan Melayu Melaka, maka beberapa negeri dibawah taklukannya telah mendapat kebebasan dan membangun. Di sebaliknya, ada beberapa buah negeri yang masih mempunyai hubungan langsung dengan keturunan Sultan Mahmud terus memperkenalkan dan mengembangkan seni sulaman tekat. Antara negeri-negerinya ialah Perak, Johor Pahang, Kelantan dan Sarawak. Seni sulaman ini mula berpusat di kawasan istana seperti di Kuala Kangsar, Perak, Pekan, Pahang, Kota Tinggi dan Kluang di Johor. Kehalusan seni sulaman Melayu tidak hanya dibuat untuk golongan diraja tetapi juga sebagai hiasan pada peralatan harian seperti pada tepak sirih, bantal dan cadar, tudung saji dan sebagainya (Azah Aziz, 2006). Sulaman merupakan hasil kerja yang melambangkan kemewahan dan kehalusan seni terutamanya bagi masyarakat Melayu di kalangan golongan raja dan bangsawan. Antara seni sulaman yang mencerminkan kemewahan ialah seperti seni sulaman tekat dan seni sulaman kelingkan.

Seni Tekat termasuk dalam jenis teknik yang dihasilkan dengan cara menyulam benang emas dengan menggunakan kain dasar jenis baldu. Ia juga disebut sebagai "Tuji Timbul" iaitu sulaman timbul atau tekat bersuji. Sama ada disulam, ditekat atau disuji ragamhiasnya semua dibentuk sama iaitu dengan permukaan yang timbul dari permukaan dasar kain kerana bahagian dalamnya diisi dengan mempurul.

Asal usul dan penggunaan seni tekat dianggarkan bersamaan dengan kedatangan kaum "Baba-Nyonya" pada abad ke15 berdasarkan kepada benang asasnya iaitu benang emas. Ia merupakan pakaian dan bahan kelengkapan dan wujud serta berkembang di istana. Menurut Winstedt, ia berasal dari China dan India seperti kenyataannya di bawah;

The invariable use of embroidered cloths at courts, as well as the Sanskrit name of the curtain fringe, probably points to an Indian origin for the art and the Chinese chronicles of the tenth century names wore flowered silk adorned with pearls, used canopies of feathers and embroidered curtains.

(Winstedt, 1947)

Ia juga pernah digambarkan sebagai pakaian anak-anak raja atau milik istana sebagaimana pernah digambarkan dalam Hikayat Anggun Cik Tunggal;

Meribu cermin di pinggang
Meratus cermin dikaki
Baju intan dikarang

(Siti Zainon Ismail, 1983)

Disini jelas sekali dapat dilihat penggunaan cermin yang dimaksudkan ialah warna berkilau yang disulam atau dilekatkan pada bahagian pinggang (tali pinggang atau bengkung). Sementara kaki seluar yang berkilat pula dibuat dari bahan kepingan yang berkilat yang dikenali sebagai labuci atau jemeki. Penggunaan bahan ini jelas memperlihatkan pengaruh dari Negera China. Hingga sekarang masih terdapat lagi sulaman benang emas yang berhiaskan manik dan labuci. Pakaian yang bertekatkan benang emas ini merupakan pakaian larangan oleh sebab bahan asas kain baldu dan benang emas itu merupakan barang mewah. Rakyat biasa boleh memakainya hanya jika ianya dianugerah oleh raja.

Winstedt juga menjelaskan bagaimana sulaman benang emas ini diperkenalkan oleh China kepada kerajaan Negeri Melaka.

Emperor of china at the beginning of the 15th Century sent kings of Malacca velvets silks and gauzes embroidered with gold” “suits of cloths embroidered with Dragon and one suits with kilins”

(Winstedt, 1947)

Sulaman benang emas ini juga dilakukan pada kulit. Ini banyak terdapat di kalangan masyarakat Melayu yang tinggal di Johor Selatan atau Johor Riau. Sulaman ini dikatakan berasal dari pengaruh India dan Cina tetapi ragam hias dan bentuk motif yang digunakan lebih kepada pengaruh Arab. Beberapa rupa bentuk tekat ini dicipta dan digunakan sebagai alat sehari-hari dan juga sebagai pakaian rasmi Sultan Abdullah Mahmud Shah (II), sultan yang ke-26 memerintah Perak pada tahun 1874 hingga 1876, yang dipenuhi dengan sulaman benang emas bermotifkan daun paku dan daun padi.

Seni tekat ini mula berkembang kepada masyarakat luar istana apabila ia mula dijadikan sebagai kraftangan sambilan oleh generasi muda pada masa itu. Gadis-gadis Melayu, terutamanya yang ingin mendirikan rumah tangga mula membuat tekatan ini sebagai alat kelengkapan perkahwinan. Contohnya sebagai hiasan pelamin, sarung bantal, alas tempat tidur, kipas, kasut dan sebagainya. Walau bagaimanapun, penggunaannya dalam kalangan masyarakat biasa masih terbatas kerana bahan asalnya masih bahan mewah, masih memerlukan masa yang panjang dalam proses pembuatannya dan juga memerlukan penjagaan yang sangat rapi, terutamanya semasa menyimpannya.

Sehingga kini, seni tekat ini masih lagi dihasilkan oleh rakyat Negeri Perak, terutamanya di Kuala Kangsar. Antara tokoh tokoh tekat yang terkenal di Perak ialah Puan Hajah Azizah bte Mohd Yusof. Kepakaran yang diwarisi mereka telah menjadikan mereka dilantik mewakili Negara untuk mendemonstrasikan seni menekat ini.

2.0 JENIS-JENIS TEKAT

Jenis-jenis tekat tradisional adalah tekat tuji, tekat gubah, tekat galang, tekat gem, tekat manik, tekat kelingkam, tekat bertindih, tekat perada dan tekat sambau. Kesemuanya menggunakan benang emas atau perak, atau campuran kedua-duanya. Teknik menekat berbeza-beza mengikut jenis dan ada diantaranya tidak menggunakan sebarang mempulur.

Tekat tuji adalah yang paling terkenal di Malaysia. Juga dikenali sebagai tekat timbul, ia berbeza daripada jenis yang lain kerana ia menggunakan mempulur. Mempulur biasanya dibuat daripada kertas tebal yang telah dipotong mengikut motif

atau corak yang diperlukan. Pada zaman dahulu, rotan sega juga digunakan untuk tujuan ini. Bagaimanapun, sekarang ini, kertas lebih digemari kerana senang didapati dan sifat kelenturannya. Mengikut tradisi, tekat tuji hanya digunakan ke atas kain baldu tetapi dalam tekat kontemporari kain baldu telah digantikan dengan fabrik-fabrik yang lebih murah seperti kain kapas, linen dan satin.

Oleh kerana penggunaan mempurul sulaman tekat menjadi sedikit keras dan tidak sesuai untuk digunakan ke atas pakaian. Maka, ia lebih sering digunakan kepada alat kelengkapan dan perhiasan rumah. Bagaimanapun, Baju Layang atau Baju Muskat yang dipakai oleh Raja-raja Melayu selalunya dihiasi dengan sulaman tekat seperti yang boleh dilihat pada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Gambar 1;

Gambar 1:
Baju Layang atau Baju Muskat



Sumber: Koleksi Galeri Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak.

Bahan: Baldu hitam di tekat dengan benang emas.

Tarikh: 1989

Gambar 1 adalah sebuah contoh Baju Layang atau Baju Muskat yang dipakai oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jeket ini biasanya dipakai di atas sepasang Baju Melayu dan dilengkapi dengan sampin. Ia dihiasi dengan tekat benang emas dikeliling tepi jeket, lengan dan kolar. Motif yang digunakan ialah awan larat dengan tambahan motif bunga raya di panel hadapan. Motif awan larat tersebut terdiri daripada motif pucuk paku dan huruf "S" disusun dalam corak pucuk rebung yang bersambung-sambung. Jeket ini dipakai oleh DYMM Yang diPertuan Agong pada majlis-majlis rasmi seperti majlis pertabalan, istiadat pembukaan sidang Parlimen dan juga sewaktu majlis lawatan diRaja.

Jenis-jenis tekat yang lain tidak menggunakan mempulur. Berikut adalah contoh-contoh jenis tekat yang selain daripada tekat tuji;

GAMBAR 2
Sarung Kusyen yang disulam dengan Tekat Gubah



GAMBAR 3
Kain yang disulam dengan Tekat Galang



GAMBAR 4
Bantal Panjang yang disulami Tekat Gem



GAMBAR 5
Kusyen disulami Tekat Manik



GAMBAR 6
Selindang disulami Tekat Kelingkam



GAMBAR 7
Tudung Saji disulami Tekat Bertindih



GAMBAR 8
Lemudi yang dihiasi Tekat Perada



GAMBAR 9
Perca yang disulami Tekat Sambau



3.0 BAHAN-BAHAN

1. Benang emas/perak
2. Benang kapas putih
3. Manik dan labuci
4. Kain dasar (baldu, satin dan lain-lain)
5. Kain kapas putih (pelapik)
6. Kertas tebal (mempulur)
7. Rotan sega (mempulur)

8. Bingkai kayu atau besi
9. Cuban (dikenali juga sebagai laulai atau geligin)
10. Kayu Jelutung
11. Benang Ijok
12. Benang Cinakahwin
13. Lilin
14. Gunting
15. Pemotong kertas (cutter)
16. Pemotong Laser (untuk kertas tebal)

GAMBAR 10
Benang Emas/Perak




GAMBAR 11
Manik dan Labuci




GAMBAR 12
Rotan Segar


GAMBAR 13
Bingkai



GAMBAR 14
Cuban



GAMBAR 15
Benang Cinakahwin




4.0 TEKNIK DAN PROSES MEMBUAT TEKAT

1. Membuat bingkai. Mengikut saiz dan bentuk yang diperlukan. Biasanya berkaki.
2. Menyediakan kain pelapik. Mengikut saiz yang diperlukan.
3. Kain pelapik diikat dengan tegang dan ketat kepada bingkai.
4. Kain dasar (baldu) diletakkan ke atas kain pelapik dan dijahit susup. Tentukan kain dasar rata dan tiada kedutan.
5. Sediakan mempulse. Potong mengikut motif dan corak.
6. Mempulse disusun di atas kain dasar dan di lekatkan dengan jahitan kasar.
7. Sediakan benang emas. Benang emas dililit sekeliling cuban.
8. Sebelah tangan memegang cuban dan sebelah lagi memegang jarum yang ada benang putih. Mula menekat.
9. Benang emas ditekat di atas mempulse sehingga mempulse tertutup sepenuhnya.
10. Labuci atau manik ditambah untuk menyerikan tekatan.

GAMBAR 16

Teknik memasang kain dasar dan pelapik kepada bingkai



GAMBAR 17
Teknik Memotong Mempulur



Gambar 18
Teknik Menekat



RAGAMHIAS TEKAT

Dalam seni tekat tradisional Melayu, kebanyakkan motif direka dalam gaya organik. Gaya ini adalah lebih mudah dibuat berdasarkan teknik tekat dan penggunaan mempulse. Kelebaran kertas mempulse disepadankan dengan gaya sama ada sulam penuh atau sulam pahat.

Sulam Penuh

Dalam gaya sulam penuh, mempulse selalunya dipotong dengan kelebaran kecil diantara 0.25 hingga 0.5 cm. Benang emas disusun rapat-rapat dari sisi ke sisi sehingga menutupi sepenuhnya mempulse tersebut. Yang sangat penting ialah tiada kelihatan jurang diantara benang yang menampakkan mempulse. Pada kerja tekat yang halus, benang emas tersebut akan kelihatan seolah-olah emas padu.

Gambar 19
Contoh Tekat Sulam Penuh



Sulam Pahat

Dalam sulam pahat mempulse dipotong lebih lebar iaitu diantara 0.5 hingga 1.5 cm. Kelebaran ini biasanya digunakan apabila membuat motif daun seperti daun asam batu dan daun peria. Oleh kerana kelebarannya, kedutan dan jurang akan kelihatan dalam jahitan tekat. Untuk mengatasi masalah ini, setiap urat benang emas akan disembat di bahagian tengah dari bawah. Ini akan menghasilkan satu garisan yang dalam ditengah-tengah motif, seolah-olah motif itu telah dipahat. Tujuan teknik ini juga ialah untuk mengikat benang emas dengan ketat dan menghalang dari terjadinya tekanan kelihatan terpecah.

Gambar 20
Contoh Tekat Sulam Pahat



FALSAFAH DAN ESTETIKA MOTIF TEKAT TRADISIONAL

Menurut Ismail Ibrahim (2009, p. 8), penghasilan sesuatu motif selalunya diilhamkan dari sesuatu imej yang pernah dilihat. Motif itu pula perlu menggambarkan sebuah bentuk yang mudah dan ringkas yang mana diperolehi suatu proses transformasi. Bentuk-bentuk rencam ditukarkan kepada yang lebih ringkas. Beliau juga berkata motif boleh dianggap sebagai simbol dengan bentuk ikonik yang boleh menjelaskan lagi sesuatu makna. Pandangan ini bersamaan dengan dapatan Erwin Panofsky yang telah mengkaji ikonografi sebagai sebahagian daripada Sejarah Seni, seperti yang dilapurkan oleh Siti Zainon Ismail (2006). Panofsky menganggap simbol sebagai sesuatu yang bermakna dan dihasilkan melalui proses pembuatan kreatif. Simbol juga membolehkan penilaian barang seni. Ini bermakna simbol sering dikaitkan dengan bentuk, tanda, imej atau motif.

Menurut pertimbangan di atas, setiap motif yang dihasilkan dalam kraftangan mesti mengikut beberapa peraturan yang khusus. Peraturan-peraturan ini perlu disesuaikan kepada beberapa faktor seperti adat, ugama, nilai dan norma-norma kehidupan, keindahan, keharmonian dan nilai-nilai tradisional yang lain (Muhammad Afendi Yahya, 1995, p. 108).

Dari segi motif kraftangan tradisional Melayu, sifat-sifatnya boleh diperhatikan dari perspektif sejarah orang-orang Melayu. Ini merangkumi era-era sebelum pengaruh Hindu, pasca kedatangan Hindu dan Islam, dan terakhirnya, selepas era penjajahan orang-orang Eropah. Ahmad Suhaimi (2007) pula mengatakan, masyarakat Melayu menekankan konsep visual yang diasaskan di atas pemerhatian dan hubungan rapat dengan alam semulajadi. Pemindahan motif-motif semulajadi kepada permukaan kayu, tanah liat, besi, tembaga dan media yang lain melalui proses artistik telah dilakukan dengan penuh teliti dan gaya oleh tukang-tukang Melayu.

MOTIF-MOTIF YANG DIGUNAKAN DALAM TEKAT

Kebanyakan motif yang digunakan dalam seni tekat boleh dibahagikan kepada lima jenis iaitu flora, fauna, kosmo, geometri dan khat.

Motif Flora

Amnya, motif flora yang digunakan dalam seni tekat telah dipilih berdasarkan ciri-cirinya yang unik dan keberadaannya. Tumbuh-tumbuhan mempunyai bentuk dan warna yang unik dan memberi ilham kepada para penekat. Bahagian-bahagian tertentu dipilih untuk menghasilkan motif seperti bunga, daun, pucuk dan kudup. Motif boleh berbentuk sekuntum bunga atau sejambang ataupun sulur yang menunjukkan semua bahagian tumbuhan.

Flora juga dipilih kerana keberadaannya. Ia mestilah senang didapati dan dikenali. Selalunya bunga-bunga yang dijumpai disekeliling rumah dipilih untuk




Bunga	Sebenar	Sketsa Motif	Motif Tekat



dijadikan motif. Pokok-pokok dan bunga hutan yang jarang ditemui menjadi pilihan. Maka motif yang terhasil lebih senang dikenali.



Pemilihan motif flora juga bergantung kepada penekat atau keperluan penggunanya. Selalunya tumbuhan yang berguna kepada manusia dipilih sebagai ilham motif. Tumbuhan sebegini digunakan dalam berbagai-bagai cara seperti dalam perubatan tradisional selain daripada sumber makanan. Contohnya adalah pokok sireh, daun senduduk dan ketam guri.




Ada pokok yang dipilih kerana bunganya yang cantik, wangi dan berbentuk unik. Ini mendorong tukang-tukang Melayu mengabadikan kasih mereka terhadap bunga-bunga ini dalam bentuk motif dalam pertukangan mereka. Contohnya adalah bunga cempaka (*Michelia champaca*), bunga kenanga (*ylang-ylang* atau *Cananga odorata*), bunga tanjung (*Mimusops elengi*) dan lain-lain.

Jadual 1: Contoh-contoh Motif Flora Dalam Seni Tekat

Bunga Cempaka Putih			
Bunga Cempaka Kuning			
Bunga Cempaka Kuning			
Daun Asam Batu			
Bunga Kekwa			

Bunga Kekwa			
Bunga Bakung			
Pokok Padi			
Daun Sirih			
Bunga Raya			

Bunga Anggerik			
Bunga Kenanga			
Pucuk Rebung			
Bunga Cengkoh			
Pucuk Paku			

Bunga Lili			
Bunga Kemboja			
Bunga Tanjung			

Motif Fauna dan Kosmo

Kedua-dua motif fauna dan kosmo adalah peninggalan sejarah sebelum kedatangan Islam. Setelah orang-orang Melayu memeluk ugama Islam, motif-motif tersebut jarang lagi digunakan dalam kraftangan tradisional Melayu.

Dahulu, motif-motif ikan dan burung digemari dalam seni tradisional. Dalam seni Melayu, burung dianggap sebagai simbol kekuatan dan kebanggaan. Contohnya dalam lagenda Melayu kuno terdapat penceritaan tentang burung “pertala indera maha sakti”. Ini adalah unsur pengaruh Hindu yang kemudiannya diserap dalam identiti Melayu. Di Indonesia pula “garuda” dianggap sebagai helang raksasa yang begitu popular dalam seni kraftangan dan kesusasteraan negara tersebut sehingga ia diangkat sebagai simbol nasional.

Menurut Siti Zainon Ismail (1985), dalam kepercayaan Hindu, burung dianggap sebagai hamba dan pengantara diantara manusia disaat kematianya dan tuhan. Sementara itu, ikan adalah simbol perjalanan jauh atau penghubung diantara dua benua.

Dalam adat Melayu, terdapat beberapa rujukan kepada binatang dalam kraftangan dan kesusasteraan. Contohnya, tengkolok di mana satu gaya lipatan kain dipanggil "lang menyusur angin". Gaya tengkolok ini sering dipakai oleh keluarga diRaja Pahang dan juga pengantin lelaki. Di Perak pula, golongan bangsawan memakai tengkolok "ayam patah kepak". Seni melipat tengkolok ini diilhamkan oleh binatang. Simbol-simbol ini memahat makna yang mendalam dalam *psyche* orang Melayu. Ia melambangkan kesedaran identiti mereka dan persepsi tentang alam semulajadi dan penghuni-penghuninya. Kesedaran ini kemudiannya dicerminkan dalam kraftangan dan seni Melayu.

Motif Geometri

Menurut prinsip-prinsip Islam, orang Muslim dilarang daripada melukis benda hidup dan rupa manusia secara tepat. Ini telah mendorong pembangunan motif geometri yang berkembang dalam Seni Islam. Motif geometri menjurus kepada penekanan ke atas unsur-unsur intelektual yang sejajar dengan falsafah asas ugama Islam. Motif-motif ini mewakili simbolisme yang memerlukan pemikiran mendalam untuk menghargainya.

Simbolisme yang paling asas ialah yang menggambarkan keindahan dalam rangkuman mengagungkan Allah. Ia mengandungi nilai-nilai yang berdasarkan tauhid. Melalui eksperimentasi pengolahan yang terdiri daripada motif-motif geometri dan flora, tukang-tukang Melayu telah menghasilkan seni yang begitu harmoni dengan kebudayaan Melayu dan yang lebih penting selaras dengan peraturan ugama Islam.

Menurut Manja Mohd Ludin dan Ahmad Suhaimi Mohd Nor (1995), dari perspektif pengistilahan, aplikasi motif geometri sebagai perhiasan menjurus kepada pengulangan dan pelapisan. Seni geometri kemudiannya sering dilihat menghiasi dinding-dinding, tiang-tiang dan mimbar masjid. Ia juga muncul dipermukaan permaidani, pakaian, sulaman dan kraftangan yang lain.

Motif geometri termasuk swastika, "S", segi tiga, segi empat, kisi-kisi, bulatan dan garisan lurus. Dalam tekat, motif-motif ini selalunya bersegi atau bulat dan disusun sebagai motif tunggal atau dalam barisan. Kadangkala motif ini digabungkan dengan motif flora yang mengandungi daun dan batang menjalar.



Motif Khat

Pada asasnya, kewujudan dan penggunaan seni khat dalam Alam Melayu adalah berhubung terus dengan penyebaran Islam di kepulauan Melayu. Tradisi asas seni khat pada masa itu adalah sebagai kaedah komunikasi. Siti Zainon mengatakan bahawa ini ditunjukkan oleh surat-surat yang diantar oleh Nabi Muhammad kepada para khalifah dan pembesar-pembesar Islam semasa penyebaran peradaban Islam di dunia Arab. Bagaimanapun, seni khat juga memperlihatkan nilai-nilai estetiknya.

Menurut Muliyadi Mahamood (2012, p. 76), Ismail & Lois Lamya Al-Faruqi (1992, p. 183) telah mengatakan bahawa dengan kedatangan Islam, penulisan Arab dan kaligrafi telah mengalami metamorfosis mendalam, yang telah menukar ia dari hanya simbol-simbol rambang kepada bahan-bahan yang penuh estetika dan ikonik. Melalui penggunaan ayat-ayat Al-Quran yang kerap dan berterusan, objek-objek seni Islam dilihat sebagai peringatan kepada ketauhidan Allah.

Di Nusantara pula seni khat juga berkembang. Bukan sahaja ia digunakan dalam penulisan Al-Quran tetapi juga sebagai hiasan dalam tenunan kain seperti songket dan limar serta dalam sulaman Melayu.

Gambar 21
Contoh-contoh Motif Khat Dalam Tekat




BENTUK-BENTUK TEKAT

Bentuk tekat bergantung terus kepada fungsi barang itu. Sebelum proses menyulam, tukang tekat akan menentukan saiz kain dasar mengikut ukuran yang diperlukan. Ini juga menentukan saiz bingkai. Ini bermakna barang tertentu akan memerlukan bingkai yang khusus. Contohnya, lemudi pintu dan sarung bantal akan menggunakan bingkai yang sama. Manakala, tudung saji akan memerlukan bingkai yang berlainan kerana bentuknya.

Bentuk 2-dimensi

Bentuk ini adalah untuk permukaan yang mendatar. Tekat bentuk ini disulam ke atas permukaan fabrik. Contohnya, tikar, lemudi, selempang dan kipas tangan.

Gambar 22
Tikar Cior



Gambar 23
Kipas Tangan



Bentuk 3-dimensi

Tekat 3-dimensi digunakan untuk menutupi sesebuah acuan yang mempunyai kepaduan dengan ruang dalam dan permukaan sisi seperti kotak, silinder dan kon. Kain baldu perlu dipotong mengikut kaedah tertentu supaya semua sisi dapat ditutupi. Contohnya adalah tepak sireh, tudung saji dan kasut. Acuan biasanya dibuat daripada kayu atau kad Bod.

Gambar 24
Tepak sireh



Gambar 25
Tudung saji



Gambar 26
Kasut



KESIMPULAN

Dalam kertas ini sembilan jenis tekat telah dikenali. Bagaimanapun, kebanyakannya jarang dipraktikkan hari ni dan sedang menghadapi kepupusan. Ini termasuklah tekat galang, tekat gem, tekat manik, tekat bertindih, tekat perada dan tekat sambau. Salah satu sebabnya ialah kurangnya permintaan. Satu lagi sebab ialah kepayahan untuk mendapay bahan-bahan mentah, terutamanya benang emas pintal untuk tekat gem.

Daripada sembilan jenis tekat hanya tiga yang masih digemari masyarakat. Yang paling popular ialah tekat tuji. Ia masih diperlukan dalam majlis-majlis pertabalan diRaja dan perkahwinan. Boleh dikatakan bahawa tekat tuji masih wujud kerana permintaan dari keluarga diRaja, terutamanya dari Perak, Kedah dan Selangor. Tambahan lagi, barang tekot juga diperlukan dalam majlis-majlis perkahwinan, terutamanya dari golongan berada. Tidak hairanlah sebahagian besar permintaan barang tekot datang dari golongan ini kerana harganya sangat mahal.

Dalam pembuatan tekat, terutamanya dalam memilih motif, makna yang mendalam dikaitkan dengan pemilihan tersebut. Tukang-tukang Melayu tidak memilih dan mereka motif secara sembarang. Proses membuat motif adalah rumit. Mulanya, pemerhatian ke atas alam semulajadi diperlukan. Kemudian, objek-objek dari alam semulajadi dipilih berdasarkan keperluan-keprluan tertentu seperti tempatnya, keberadaannya dan kegunaannya dalam gaya hidup orang Melayu. Ini bermakna setiap motif yang digunakan dalam seni tekat ada kepentingannya dalam kebudayaan Melayu.

Dari segi motif, sulaman tekat sangat dipengaruhi oleh tradisi islam. Secara amnya, larangan untuk menggambarkan benda hidup secara tepat telah dipatuhi. Motif-motif yang paling biasa dalam tekat adalah motif flora yang diilhamkan daripada bunga-bungaan tempatan. Yang paling digemari adalah bunga kekwa, cempaka, kenanga, bunga raya, bakung dan anggerik. Selain itu bunga tanjung, teratai dan bunga matahari juga kerap digunakan.

Sementara itu bahagian-bahagian pokok yang lain juga digunakan. Contohnya, daun asam batu, daun padi, pucuk rebung dan pucuk paku. Rempah-ratus seperti bunga cengkoh dan bunga lawang juga dijadikan motif. Kadangkala buah-buahan seperti tampuk manggis dan buah delima juga digunakan. Walau bagaimanapun, motif-motif ini selalunya telah menjalani proses pengayaan yang tidak menyerupai bentuk asalnya tetapi masih boleh dikenali.

Motif-motif lain yang digunakan dalam seni tekat termasuk geometri dan khat. Motif geometri seperti garisan, segi empat dan segi tiga biasanya diletakkan sebagai sempadan tekanan. Penggunaan motif ini menyumbang kepada penguasaan ruang dan memberi bentuk kukuh kepada pengolah tersebut. Sementara itu, motif khat kebiasaanannya, digunakan secara tersendiri. Penggunaannya adalah khusus dan selalunya untuk perhiasan dinding. Ini kerana ayat-ayat Al-Quran yang digunakan perlu diletakkan di tempat tinggi. Motif khat yang sering digunakan terdiri daripada perkataan "Allah", "Muhammad", "Bismillahirrahmanirrahim" dan "Assalamualaikum".

Amnya, tekat dihasilkan dalam dua bentuk, iaitu dua dan tiga dimensi. Bentuknya ditentukan oleh fungsinya. Bentuk dua dimensi termasuk kipas tangan, lemudi pintu, tikar, selempang dan alas katil. Sementara itu, bentuk tiga dimensi pula adalah seperti kasut, tepak sireh dan tudung saji.

Dari segi konsepnya, seni tekat secara am mencerminkan gaya hidup yang mewah. Ini kerana bahan-bahannya yang mahal, kemahiran yang tinggi serta masa yang panjang untuk membuatnya. Sesungguhnya, pada zaman dahulu, pemakaianya hanya terhad kepada golongan diRaja.. Pada zaman moden ini sudah tiada larangan tersebut. Tetapi ia masih jauh dari jangkuan orang biasa kerana harga yang terlalu mahal.

Keseluruhannya, keindahan seni tekat bukan sahaja terletak pada rupanya atau bahan-bahannya yang mahal tetapi termasuk juga kepada maksud mendalam motif dan pembuatannya. Walau falsafah tekat terlindung daripada pengetahuan masyarakat umum, dan kadangkala kepada penekatnya sendiri, pendedahannya adalah seindah barang tekatan itu sendiri.

RUJUKAN

- A.Aziz Deraman, (1979). *Islam dan Pengucapan Kesenian*. Kuala Lumpur; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- A. Aziz Deraman, (2005). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia. Edisi Baru*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Faruqi, Ismail & Lois Lamya, (Translator: Mohd. Ridzuan Othman, Mohd. Sidin Ishak & Khairuddin Harun,1992). *Atlas Budaya Islam*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Suhaimi Mohd Noor, (2007). *Sejarah Kesedaran Visual di Malaysia*. Tanjung Malim; Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azah Aziz, (1987). *Di Taman Seni*. Petaling Jaya; Fajar Bakti.
- Azah Aziz, (2006). *Rupa & Gaya Busana Melayu*. Bangi, Selangor; Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Ibrahim, (2009). *Warisan Motif dan Corak Etnik Sabah*. Kota Kinabalu, Sabah; Universiti Malaysia Sabah.
- Manja Mohd Ludin & Ahmad Suhaimi Hj Mohd Nor, (1995). *Aspek-Aspek Kesenian Islam*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Afendi Yahya, (1995). *Simbolisma Dalam Seni Bina Rumah Melayu Kelantan*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mulyadi Mahamood, Prof.,Dr. (2012). *Taman Nurani: Appreciation and Contemplation Abstract Works: a Manifestation of Spirituality*. (In Taman Nurani. Nafas keislaman Dalam Seni Kontemporari Malaysia. Islamic Impressions in Malaysian Contemporary Art). Kuala Lumpur; Galeri Petronas.
- Siti Zainon Ismail, (1983). *Sirih Pinang, Kumpulan Esei Budaya*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail, (1985). *Getaran Jalur dan Warna*. Petaling Jaya; Penerbit Fajar

- Bakti Sdn Bhd.
- Siti Zainon Ismail, (1986). *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail, (1989). *Percikan Seni*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail, (1997a). *Busana Melayu Johor*. Shah Alam, Selangor; Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Siti Zainon Ismail, (1997b). *Malay Woven Textiles. The Beauty of a Classic Art Form*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail, (1997c). *Traditional Malay Handicraft Design*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Zainon Ismail, (2006). *Pakaian Cara Melayu*. Bangi, Selangor; Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Ahmad Jamal, (1992). *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Winstedt, R., (1972). *The Malays: A Cultural History*. [reprint of the corrected 6th edition. London; Lowe and Brydone (Printers) Ltd.
- Windstedt, R.O. & Wilkinson, R.J. (1974). *A History of Perak*. Republished by The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. Kuala Lumpur; Percetakan Mas Sdn Bhd.